

DIJANGKA pada 9 Jun ini akan ada fasa lain oleh pihak kerajaan? Sudah masuk bulan ketiga tempoh PKP dan PKPB Covid-19 berjalan.

Kita bakal berdepan cabaran kehidupan lebih luar biasa, walaupun kita tidak dapat menjangkakan kesan dan bilakah ia akan berakhir.

Wabak Covid-19 bukan wabak pertama yang dijangkiti manusia dan ia juga bukan yang terakhir. Kita masih lagi berada dalam situasi yang sukar.

Jangan Sulitkan Kehidupan

Angkatan tentera negara diarahkan mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan ketat terutama dalam tempoh musim perayaan sekarang terutama cabaran di Sarawak dan Sabah yang mempunyai dua perayaan berlangsung sekarang.

Walaupun pelbagai langkah mengatasi kesulitan, jelas langkah terbaik untuk menyekat wabak ini daripada terus merebak adalah dengan membuat penutupan secara menyeluruh, diikuti pemantauan berterusan.

Bertentangan dengan tidak melakukan apa-apa atau melakukannya tindakan sambil lewa, hampir setiap negara terjejas dengan jangkitan itu memilih

untuk membuat penutupan secara menyeluruh dengan harapan virus ini berhenti tersebar, diikuti dan mengharapkan agar penurunan wabak mendadak turun.

Pelaksanaan strategi ketat yang dilakukan oleh China membuktikan keberhasilan.

Malangnya, kesan wabak terhadap ekonomi tidak mempunyai ramalan begitu jelas. Hanya beberapa kumpulan sahaja dapat bertahan, selebihnya golongan bawahannya menerima tempias kesan kejatuhan ekonomi.

Perubahan Ekonomi

Ramai dalam kalangan industri perkhidmatan dan runcit kehilangan pekerjaan mereka. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menilai semula simpanan mereka. Namun, semua itu tidak mendatangkan masalah bagi golongan kaya raya.

Perkara yang ingin disampaikan ialah golongan bawahannya cuba dipertahankan, pada masa yang sama golongan atasannya cuba berada di kedudukan terbaik untuk mendapat manfaat daripada perubahan ekonomi disebabkan oleh wabak Covid-19.

Ditambah pula transformasi digital yang dibawa oleh Revolusi Industri 4.0.

Kita Semakin Bergantung Pada Teknologi

Platform digital menjadi satu-satunya cara bekerja bagi kebanyakan orang, mendapatkan pendidikan dan menikmati hiburan. Batasan antara rumah dan pekerjaan akan semakin kabur. Tetapi kita semakin perlu berhati-hati saat memilih medium dan pesan apa yang disampaikan. Video conference menjadi hal umum. Lebih 90 peratus anak-anak tidak belajar di ruang kelas.

Pengajaran dalam talian semakin meningkat. Sebahagian remaja dalam kalangan golo-ngan miskin akan dipinjamkan komputer riba oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Tetapi jalan keluar jangka panjang untuk mengatasi ini perlu segera diselesaikan.

Hampir seluruh negara didunia tidak memberarkan kelas diadakan di institusi pendidikan. Semoga masa yang diluangkan di rumah dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Kehidupan Semakin Ringkas

Kita tidak perlu lagi membeli baju sebab kerja di rumah dan hanya perlu lengkap menutup aurat terutama tudung bagi Muslim. Tidak perlu berdandan dan bersolek rapi seperti kebiasaan. Tidak perlu berlumba-

lumba keluar awal pagi mengelak kesesakan di jalan raya. Jika malas memasak, hanya memesan dalam talian. Jumlah orang menggunakan kereta menjadi lebih rendah. Ibu bapa tidak perlu membeli pakaian sekolah anak.

Bergantung Kepada Tuhan

Tuhan tidak menzalimi hamba-Nya kerana belas kasihan-Nya kita dapat memohon pelindungan-Nya. Sinar harapan sudah pasti ada daripada wabak ini, namun kita harus memastikan ia membawa masa depan lebih cerah.

Apabila krisis Covid-19 berakhir, mungkin satu peratus daripada virus itu tinggal bersama-sama kita, tetapi ia menjaskan 100 peratus ekonomi.

Langkah paling penting perlu diambil dalam merancang kedudukan ekonomi digital dengan penglibatan masyarakat. Ironinya, negara kecil yang membangun seperti Malaysia mempunyai fleksibiliti mengatasi kuasa besar di dunia.

Kesimpulan

Kita mungkin tidak dapat kembali kepada kehidupan lama. Perkara yang dapat kita mampu lakukan adalah pandang ke hadapan. Kehidupan adalah tanggungjawab dan pilihan yang terletak di tangan kita. Perbanyakkan berusaha, berdoa dan bertawakal. Sekiranya kita mengalami kebuntuan, sila berkongsi masalah anda bersama-sama kaunselor.



Samsiah Jayos
K.B., P.A., (MAL)

Kata Kaunselor

Pensyarah Kaunseling UNIMAS



“

Lebih daripada 90 peratus anak-anak tidak belajar di ruang kelas. Pengajaran dalam talian semakin meningkat. Sebahagian remaja dalam kalangan golo-ngan miskin akan dipinjamkan komputer riba oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Seimbangkan kehidupan anda



KELAZIMAN BAHRU... pengguna pengangkutan awam kini dilihat mengamalkan kelaziman baharu dengan mematuhi arahan penjarakan sosial sewaktu menggunakan perkhidmatan tersebut ketika tinjauan foto Bernama di dalam koc LRT. — Foto Bernama.